



**MENTERI SUMBER MANUSIA
(Minister of Human Resources Malaysia)**

KENYATAAN MEDIA

**PELARASAN KOS SARA HIDUP BAGI BAYARAN FAEDAH BERKALA DAN
KENAIKAN KADAR PENCEN MINIMUM SKIM KEILATAN PERKESO**

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi agensinya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan melaksanakan **pelarasan kos sara hidup bagi penerima faedah berkala sedia ada dan kenaikan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan PERKESO, berkuat kuasa 1 Januari 2023.**
2. Pelaksanaan inisiatif ini adalah lanjutan daripada Kajian Penilaian Aktuari ke-11 oleh *International Labour Organisation* (ILO) dengan mengambil kira keadaan sosial dan ekonomi semasa di Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19, peningkatan kos sara hidup dan kenaikan kadar inflasi.
3. Pelarasan bayaran faedah berkala PERKESO dijangka akan memberi manfaat kepada **lebih 400,000 penerima faedah** sedia ada yang akan melibatkan anggaran perbelanjaan berjumlah **RM 213 juta.**
4. Faedah-faedah PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) yang dibayar secara berkala merangkumi **Pencen Ilat** dan **Pencen Penakat** di bawah **Skim Keilatan**, serta **Faedah Hilang Upaya Kekal** dan **Faedah Orang Tanggungan** di bawah **Skim Bencana Pekerjaan.**

5. Sehingga kini, pelarasan kos sara hidup bagi bayaran faedah berkala PERKESO telah dibuat sebanyak **10 kali di bawah Skim Keilatan** sejak **1982** dan **12 kali di bawah Skim Bencana Pekerjaan** sejak **1977**.
6. Kadar pelarasan kos sara hidup bagi penerima faedah berkala PERKESO ini adalah di antara **0.7 peratus** sehingga **9.4 peratus** mengikut tahun pencen diterima.
7. Sementara itu, pelaksanaan kenaikan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan, Akta 4 akan ditingkatkan daripada kadar pencen minimum sedia ada iaitu sebanyak **RM 475** sebulan kepada **RM 550** sebulan.
8. Peningkatan kadar pencen minimum ini dijangka akan memanfaatkan kira-kira **56,000 isi rumah** di negara ini dalam membantu menangani kenaikan kos sara hidup menerusi peruntukan kewangan sebanyak **RM 21 juta**.
9. Sehubungan itu, Kerajaan melalui KSM dan agensinya, PERKESO berharap inisiatif ini akan dapat meringankan beban kewangan Keluarga Malaysia pasca pandemik COVID-19.

DATUK SERI M. SARAVANAN

PUTRAJAYA

6 OKTOBER 2022